



**HADZIR** Ismail (kanan) melawat rumah mangsa banjir, Azmi Mat dan isteri, Aishah Jusoh serta dua anak mereka Mohd. Nizar (tiga dari kiri) dan Mohd. Amin di Kampung Padang Limau, Kulim, semalam.

**KAMPUNG** Padang Limau, Kulim, Kedah dinaiki air sedalam 0.8 meter hingga 1.5 meter selepas air Sungai Karang dan Sungai Ulu Paip melimpah semalam.

- Bernama

UM 28/10/2006

# Banjir di Kedah semakin pulih

**ALOR STAR** 27 Okt. - Keadaan banjir yang melanda Kedah dilaporkan semakin pulih berikutan semakin ramai mangsa banjir dibenarkan pulang ke rumah masing-masing dan hanya 1,098 orang masih berada di pusat pemindahan. Jurucakap bilik Gerakan Banjir Negeri yang dihubungi *Bernama* petang ini berkata, tiada mangsa baru dipindahkan ke pusat pemindahan hari ini manakala 422 mangsa banjir dari tiga kampung membabitkan 113 keluarga di daerah Kota Star dibenarkan pulang setelah air mulai surut. Seramai 320 orang (80 keluarga) adalah dari Kampung Gelam, Kampung Alor Melintang (30 orang, 15 keluarga) dan Kampung Alor Gunung (72 orang, 18 keluarga). Katanya, tiga pusat pemindahan yang menempatkan mangsa dari tiga buah kampung itu juga telah ditutup. Beliau berkata, sehingga pukul 4 petang

ini, 889 orang mangsa membabitkan 216 keluarga dari Kota Star masih ditempatkan di 14 pusat pemindahan manakala di Pendang masih kekal 209 orang mangsa melibatkan 47 keluarga dari lima buah kampung yang ditempatkan di pusat pemindahan di Pusat Sukan Pendang. Kesemua mangsa itu dipindahkan sejak Hari Raya pertama. Di Kulim, hujan lebat malam tadi telah menyebabkan lapan buah kampung di sini melibatkan 202 buah rumah dilanda banjir. Kampung-kampung itu ialah Banggol Penyengat, Maryland, Samsam, Padang Limau, Padang Limau Jaya, Seberang Jaya, Kamung Tebing Sungai Karang dan Rancangan Perumahan Awam Karang dinaiki air mulai pukul 11.30 malam. Air dari Sungai Karang dan Sungai Ulu Paip yang melimpah menyebabkan

banjir sedalam antara 0.8 meter dan 1.5 meter di kampung-kampung terbabit. Menurut Anggota Dewan Undangan Negeri Merbau Pulas, Datuk Hadzir Ismail, kebanyakan kampung yang dilanda banjir itu terletak berhampiran tebing Sungai Karang dengan Kampung Maryland dan Kampung Samsam paling teruk dilanda banjir mencecah hampir dua meter sehingga tengah hari ini. Katanya, sebanyak 36 orang daripada empat keluarga iaitu tiga dari Kampung Maryland dan satu keluarga dari Kampung Padang Limau telah dipindahkan ke rumah saudara-mara mereka di Karang

**Tiga pusat pemindahan yang menempatkan mangsa dari tiga buah kampung itu juga telah ditutup**

Jurucakap bilik Gerakan Banjir Negeri Kedah

dan Sungai Kob malam tadi. Beliau berkata, ramai penghuni masih tinggal di rumah masing-masing dan jika air semakin naik dan hujan melanda lagi mereka akan dipindahkan ke Pusat Pemindahan di Surau Kampung Padang Limau yang boleh menempatkan 400 orang. Katanya, Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Kulim telah menubuhkan empat pusat membekal makanan di Kampung Padang Limau untuk menyediakan makanan kepada mangsa banjir.

- Bernama